



**Timbalan Menteri Sumber Manusia
(Deputy Minister of Human Resources)**

KENYATAAN MEDIA

**MESYUARAT MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)
BIL. 2/2020**

1. Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) Bilangan 2/2020 telah meluluskan sejumlah 33 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard (NOSS)) merangkumi 14 NOSS baharu dan 19 NOSS yang dikaji semula dibangunkan berdasarkan kompetensi yang diperlukan oleh industri.
2. Mesyuarat memutuskan bahawa Dokumen NOSS ini akan dijadikan rujukan utama kepada penyedia latihan kemahiran dalam membangunkan kurikulum latihan kemahiran bagi melahirkan pekerja berkemahiran.
3. Mesyuarat yang diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi *video conference* di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) turut mencadangkan supaya Kementerian Sumber Manusia mewujudkan Kerangka Kerja Pemerksaan TVET(Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) – Tahfiz bertujuan untuk menggalakkan penglibatan lebih ramai individu dalam kemahiran berteraskan islamik.
4. Sehingga 31 Oktober 2020, sejumlah sembilan (9) NOSS berkaitan Pengurusan & Pengajaran Tahfiz serta Pengurusan Masjid telah dibangunkan dan latihan kemahiran bagi NOSS ini telah dilaksanakan di 22 pusat bertauliahan seluruh Malaysia.
5. NOSS ini akan dilaksanakan menerusi platform latihan kemahiran di pusat bertauliahan SlaPB (Sistem Latihan Program Bertauliahan) dan juga latihan kemahiran secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).
6. Keputusan mesyuarat kali ini antara lain telah memutuskan untuk meningkatkan bilangan pusat bertauliahan yang melaksanakan program kemahiran berteraskan Islam agar berpadanan dengan bilangan pusat tahfiz di seluruh Malaysia.

**HAJI AWANG BIN HASHIM
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
14 NOVEMBER 2020**